



LEMBAGA KEMAJUAN PERTANIAN KEMUBU
KENYATAAN PELAWAAN

1. **LEMBAGA KEMAJUAN PERTANIAN KEMUBU (KADA)** mempelawa pengeluar tempatan atau pengedar tunggal produk untuk mengemukakan cadangan **PEMBEKALAN BAHAN KESUBURAN TANAH (BAJA ORGANIK/ BAJA BIO) BAGI MENINGKATKAN HASIL PADI DI BAWAH PERUNTUKAN INISIATIF BELANJAWAN 2026 KAWASAN KADA.**
2. Cadangan boleh dihantar ke **BAHAGIAN PERTANIAN, IBU PEJABAT LEMBAGA KEMAJUAN PERTANIAN KEMUBU (KADA) PETI SURAT 127, 15710 KOTA BHARU KELANTAN DARUL NAIM** hingga tutup pelawaan jam 12.00 tengah hari pada **12 MEI 2026**
3. Pengeluar tempatan atau pengedar tunggal produk boleh mengambil bahagian dalam pelawaan ini dan dikehendaki melampirkan salinan berikut berserta Dokumen Cadangan :-
 - i. Salinan **Sijil Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM)** (jika berkaitan).
 - ii. Salinan **Sijil Surat Akuan/Lantikan Pengedar Tunggal** (jika berkaitan).
 - iii. Profil syarikat dan dokumen sokongan seperti di **Lampiran 1**.
4. Cadangan produk mestilah menepati dan mematuhi keperluan spesifikasi seperti di **Lampiran 1**.
5. Pengeluar tempatan atau pengedar tunggal baja dikehendaki menghantar sampel seperti berikut :
 - **Bahan Kesuburan Tanah (Baja Organik)** sebanyak **1 sampel x 300 gram/ sampel (sekiranya produk berbentuk butiran / granular / pellet)** atau **500ml/ sampel (sekiranya produk berbentuk cecair)**
 - **Bahan Kesuburan Tanah (Baja Bio)** sebanyak **1 sampel x 500ml/ sampel**Sampel-sampel ini hendaklah berlabel dengan nama syarikat, jenis input pertanian dan kuantiti. Sampel yang dihantar ini adalah muktamad dan tidak boleh ditukar ganti.
6. Mana-mana cadangan yang diterima selepas tarikh dan waktu tutup yang telah ditetapkan tidak akan dipertimbangkan. Sebarang pertanyaan boleh menghubungi Pengarah Bahagian Pertanian di talian 09-7455388 / 5432
7. Lembaga Kemajuan Pertanian Kemubu (KADA) tidak terikat untuk menerima mana-mana cadangan.
8. Dokumen cadangan serta dokumen sokongan perlu dicetak dengan cetakan berwarna. Dokumen cadangan boleh dimuat turun melalui pautan kod QR seperti yang tertera.



.....
(MOHD FAIZUL BIN MUSTAFA)
Pengurus Besar
Lembaga Kemajuan Pertanian Kemubu
Peti Surat 127, 15710 Kota Bharu Kelantan

Tarikh : 28 APRIL 2026